

09/09/1997

Pas tolak dakwaan pengaruhi khatib

KOTA BHARU, Isnin - Pas tidak menafikan menguasai sebahagian besar masjid berikutan amalan ahlinya yang sentiasa mendekati tempat suci itu bagi tujuan beribadat.

Setiausaha akhbar Menteri Besar, Wan Ismail Wan Jusoh, berkata Pas berpegang teguh kepada amalan menjadikan masjid sebagai tempat pertemuan mendalami ilmu agama di samping menunaikan kewajipan terhadap agama.

Serentak itu, katanya, dakwaan kononnya ahli parti itu mempengaruhi khatib menyampaikan khutbah memburukkan kerajaan adalah cakap kosong yang tidak berasas.

"Kita tidak perlu mempengaruhi khatib kerana mereka adalah golongan pandai agama yang menjalankan tugas menyebarkan pengetahuan Islam menerusi penyampaian tertentu.

"Berceramah politik di masjid bukan tugas cara khatib dan kalau ahli Pas sering dilihat di masjid, ia adalah kerana kami memang sentiasa ke masjid untuk tujuan beribadat," katanya.

Beliau mengulas kenyataan perwakilan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Azman Attar Othman, semalam yang menyebut ahli Pas menguasai lebih 90 peratus masjid di ibu negara dan mempengaruhi khatib memberi khutbah yang memburukkan kerajaan.

Wan Ismail berkata, pemerhatian itu sekali gus mengesahkan pengiktirafan Umno terhadap kebiasaan Pas yang sering mendampingi masyarakat di masjid tanpa menjejaskan tujuan sebenar.

Beliau turut mengulas kenyataan Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, yang mengakui hanya segelintir perwakilan berjaya menyelami pandangan Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membuat ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno kali ini.

Katanya, keadaan itu mungkin disebabkan mereka kurang berminat dengan isu yang dikemukakan dan berpendapat ia harus lebih bertumpu terhadap situasi semasa seperti krisis keruntuhan ekonomi negara.

"Kedua, ahli parti mungkin terlalu sibuk memikirkan soal saham yang jatuh berikutan krisis matawang negara dan kurang menumpukan perhatian terhadap persidangan kali ini," katanya.

(END)